

Unimas cipta mesin petik lada hitam

Oleh KHAIRUNNISA SULAIMAN

TANAMAN lada hitam biasanya ditanam di kawasan lereng bukit menyukarkan tugas-tugas memetik buahnya.

Biasanya pekerja perlu menggunakan tangga yang diangkut setiap kali memetik lada hitam di pokok yang berbentuk kon dan ditanam kawasan bukit yang tinggi.

Tinggi pokok di antara empat hingga enam meter dan lebat dengan daun merumitkan lagi tugas memetik.

Justeru Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dengan kerjasama Lembaga Lada Malaysia (MPB) menjalankan kajian menghasilkan prototaip mesin memetik lada hitam.

Pensyarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan, Unimas, Mohammad Shahril Osman berkata, kajian bermula apabila melihat majoriti pekerja ladang lada hitam terdiri daripada warga emas dan pekerja asing.

“Dengan adanya mesin memetik lada hitam, kami berharap tugas memetik lebih mudah dan menarik lebih ramai generasi muda bergiat dalam pertanian,” katanya semasa ditemui di pameran Pecipta di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Kajian yang dijalankan memberikan

Dengan adanya mesin memetik lada hitam, kami berharap tugas memetik lebih mudah dan menarik lebih ramai generasi muda bergiat dalam pertanian
- MOHAMMAD SHAHRIL OSMAN

tumpuan kepada menghasilkan mekanisme yang boleh memetik lada hitam dengan lebih mudah dan mesra pengguna.

Mohammad Shahril berkata, projek berkenaan adalah untuk mencipta dan membina serta membangunkan fabrikasi prototaip mesin memetik buah lada hitam.

“Pada mesin menuai berkenaan kami membina casis bagi meletakkan peralatan

mekanikal kenderaan seperti tayar, badan, motor elektrik dan lengan menuai.

“Lengan menuai yang mempunyai gunting di hujungnya dan boleh ditanggalkan terletak di bahagian belakang mesin memetik,” jelas beliau.

Prototaip mesin memetik, jelas Mohammad Shahril boleh digunakan di kawasan rata dan sedikit berbukit.

Buat masa ini Unimas menggunakan tenaga elektrik bagi menjalankan mesin berkenaan bagi mengurangkan

pencemaran.

Mesin berkenaan bukan saja hanya memetik lada hitam tetapi juga sebagai mesin rumput serta menyembur racun perosak.

Selepas ujian prototaip di kawasan ladang lada hitam, Unimas akan meningkatkan lagi prototaipnya dengan beberapa ciri lain.

Mohammad Shahril berkata, buat masa ini mesin memetik lada hitam akan digunakan di ladang MPB sebelum dikomersialkan.

MOHAMMAD SHAHRIL OSMAN menunjukkan cara memandu mesin memetik lada hitam semasa pameran Pecipta di Kuala Lumpur baru-baru ini.

